

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PRESTASI PELAJAR KELAS PERAKAUNAN
TINGKATAN EMPAT BAGI MATA PELAJARAN
ELEKTIF IKHTISAS (MPEI) PRINSIP
PERAKAUNAN (PP)

MOHAMAD FIKRI BIN MASAHA

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PELAJAR KELAS
PERAKAUNAN TINGKATAN EMPAT BAGI MATA PELAJARAN
ELEKTIF IKHTISAS (MPEI) PRINSIP PERAKAUNAN (PP)

MOHAMAD FIKRI BIN MASAHA

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

PENGAKUAN

Saya akui ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:

Tandatangan :



Nama Pelajar : Mohamad Fikri Bin Masaha

No Matrik : D20181082723



PENGHARGAAN

Segala pujian kehadiran pangkuan Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad S.A.W., kaum keluarga dan sahabat baginda kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kertas projek tahun akhir yang bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar Kelas Perakaunan Tingkatan Empat Bagi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) dengan sempurnanya.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr.Nor Sa'adah Binti Jamaluddin, penyelia kertas projek ini yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan yang amat bernilai kepada saya sepanjang proses penyiapan kertas projek tahun akhir ini. Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda tercinta Encik Masaha@Sahar Bin Hassan dan bonda tercinta Puan Rosiah Binti Abas serta adik beradik yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan yang tidak terhingga.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyumbangkan data-data yang berguna serta menjadi responden terutama pelajar Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 2021 yang telah banyak membantu bagi menjayakan kajian ini secara sukarela. Tidak lupa juga, kawan-kawan jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Perakaunan) yang banyak membantu dan memberi sokongan dalam menyiapkan kajian Tindakan ini. Akhir sekali saya berdoa kepada Allah S.W.T. mudah mudahan kertas projek tahun akhir ini memberi manfaat kepada kita semua dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Prinsip Perakaunan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar kelas perakaunan tingkatan empat bagi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP). Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti apakah tahap faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar iaitu merangkumi faktor sikap, motivasi dan kaedah pengajaran guru. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji hubungan ketiga-tiga faktor tersebut dengan prestasi pelajar. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif, di mana data yang dikaji datangnya daripada instrumen kajian seperti ujian topik lapan bagi MPEI PP dan borang soal selidik kepada 19 sampel kajian yang merupakan pelajar kelas perakaunan tingkatan empat bagi MPEI PP di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Lima, Sibul, Sarawak. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian merupakan hasil peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai manakala mengkaji hubungan bagi dua pembolehubah pula adalah menggunakan ujian Korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan bahawa faktor sikap adalah pada tahap yang sederhana (3.608), namun faktor motivasi (4.098) dan kaedah pengajaran guru (4.558) iaitu pada tahap yang tinggi. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada kekuatan hubungan sederhana ($r = -0.562$, $p < 0.012$) antara faktor sikap dengan prestasi pelajar. Bagi faktor motivasi pula tidak terdapat hubungan yang signifikan dan kekuatan hubungan lemah ($r = -0.329$, $p > 0.169$) manakala faktor kaedah pengajaran guru juga tidak terdapat hubungan yang signifikan dan kekuatan hubungan sederhana ($r = 0.100$, $p > 0.684$) dengan prestasi pelajar. Cadangan kajian lanjutan ialah memperbanyakkan lagi sampel kajian, pengubahbaikan instrumen kajian dan mengambil tempoh pelaksanaan yang lebih lama agar dapatan kajian lebih relevan dan komprehensif.

Kata kunci: Prestasi Pelajar, Sikap, Motivasi, Kaedah Pengajaran Guru





*FACTORS AFFECTING STUDENTS IN FORM FOUR ACCOUNTING CLASSES
ON THEIR PERFORMANCE IN THE ELECTIVE SUBJECT IKHTISAS (MPEI)
ACCOUNTING PRINCIPLES (PP)*

ABSTRACT

The purpose of this research is to determine the variables that affect students in form four accounting classes' performance on the MPEI PP. The purpose of this research was to determine the amount of elements that impact student performance, which includes aspects such as instructor attitude, motivation, and instructional techniques. Additionally, this research evaluates the link between these three variables and student performance. The study is quantitative in nature, with data gathered through research instruments such as topic eight exams for MPEI PP and questionnaires administered to 19 study participants who are form four accounting class students enrolled in MPEI PP at SMK Bukit Lima, Sibu, Sarawak. The research uses descriptive statistics such as percentage, frequency, mean score, and standard deviation to determine the link between two variables, while the Pearson Correlation test is utilised to determine the association between the two variables. The findings indicate that although the attitude component (3.608) is modest, the motivation factor (4.098) and teacher teaching techniques (4.558) are both strong. Additionally, the data indicated that there was a significant association between the strength of the moderate relationship between attitude components and student performance ($r = -0.562$, $p < 0.012$). The motivation component has no significant association with student performance and a weak relationship strength ($r = -0.329$, $p > 0.169$), while the teacher teaching technique factor similarly has no significant relationship with student performance and a moderate relationship strength ($r = 0.100$, $p > 0.684$). The suggestion for more research is to expand the number of study samples, enhance the study instruments, and extend the study's implementation duration in order to provide more relevant and complete study results.

Keywords: *Student Achievement, Attitudes, Motivation, Method of Teachers' Teaching*



**ISI KANDUNGAN**

		MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	SENARAI KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI RAJAH	ix
	SENARAI SINGKATAN	x
	SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Hipotesis kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Batasan Kajian	9
1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi	10
1.9.2	Prestasi	10
1.9.3	Sikap	11
1.9.4	Motivasi	11
1.9.5	Kaedah Pengajaran Guru	11
1.10	Rumusan	12
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP)	13
2.3	Prestasi Pelajar MPEI PP	14
2.3.1	Konsep Prestasi Pelajar	15
2.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar	16
2.4.1	Sikap	16
2.4.2	Hubungan Antara Sikap dengan Prestasi	18
2.4.3	Motivasi	19
2.4.4	Hubungan Antara Motivasi Dengan Prestasi	22
2.4.5	Kaedah Pengajaran Guru	24
2.4.6	Hubungan Antara Kaedah Pengajaran Guru	26
2.5	Rumusan	27
BAB 3	METODOLOGI	



3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Lokasi Kajian	30
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	32
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	33
3.8	Tatacara Pelaksanaan Kajian	36
3.9	Tatacara Penganalisan Data	37
3.10	Rumusan	38
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Analisis Demografi Responden Kajian	40
4.2.1	Analisis Keputusan Ujian Topik Pelarasan Pada Tarikh Imbangan Dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tingkatan Empat Bagi MPEI PP	41
4.3	Dapatan Analisis Deskriptif Kajian	42
4.3.1	Objektif Pertama: Mengkaji Tahap Sikap, Motivasi, Kaedah Pengajaran Guru dan Prestasi Pelajar Kelas Perakaunan Tingkatan Empat Bagi MPEI PP	42
4.4	Analisis Hipotesis Dan Keputusan Kajian	50
4.4.1	Objektif Kedua: Mengkaji Hubungan Antara Faktor Sikap, Motivasi dan Kaedah Pengajaran Guru Dengan Prestasi Pelajar Perakaunan Tingkatan Empat Bagi MPEI PP	50
4.5	Rumusan	53
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Ringkasan Kajian	55
5.3	Ringkasan Dan Perbincangan	56
5.3.1	Dapatan Kajian Objektif Pertama: Mengkaji Tahap Sikap, Motivasi, Kaedah Pengajaran Guru dan Prestasi Pelajar Kelas Perakaunan Tingkatan Empat Bagi MPEI PP	57
5.3.2	Dapatan Kajian Objektif Kedua: Mengkaji hubungan antara faktor sikap, motivasi dan kaedah pengajaran guru dengan prestasi pelajar kelas perakaunan tingkatan empat bagi MPEI PP.	62
5.4	Implikasi Kajian	66
5.5	Cadangan Lanjutan	68
5.6	Rumusan	69

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2.1	Penyataan Umum Tahap Penguasaan Prinsip Perakaunan	14
Jadual 2.2	Skor dan Gred Pemarkahan Ujian	16
Jadual 3.1	Jumlah Item Soal Selidik	31
Jadual 3.2	Nilai Skala Likert 5 dan Indikator	32
Jadual 3.3	Tafsiran Nilai Alpha Cronbach, α	34
Jadual 3.4	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen	35
Jadual 3.5	Skala Skor Min dan Interpretasi	35
Jadual 3.6	Skala Kekuatan Korelasi Antara Dua Pembolehubah	38
Jadual 4.1	Maklumat Demografi Responden	41
Jadual 4.2	Skor Min dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Faktor Sikap, Motivasi, Kaedah Pengajaran Guru dan Prestasi Pelajar	43
Jadual 4.3	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Faktor Sikap	45
Jadual 4.4	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Faktor Motivasi	46
Jadual 4.5	Skor Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Setiap Faktor Kaedah Pengajaran Guru	48
Jadual 4.6	Frekuensi dan Peratusan Keputusan Ujian Pelajar Kelas Perakaunan Tingkatan Empat Bagi MPEI PP	50
Jadual 4.7	Hubungan Faktor Sikap Dengan Prestasi	51
Jadual 4.8	Hubungan Faktor Motivasi Dengan Prestasi	52
Jadual 4.9	Hubungan Faktor Kaedah Pengajaran Guru Dengan Prestasi	53



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 3.1	Carta Alih Prosedur	37
Rajah 4.1	Taburan Mengikut Gred Keputusan	42

SENARAI SINGKATAN

PPPM	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	- Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	- Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	- Pembelajaran dan Pemudahcaraan
DSKP	- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBAT	- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SPi	- Standard Prestasi
SK	- Standard Kandungan
SP	- Standard Pelajaran
MPEI	- Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
PP	- Prinsip Perakaunan
H	- Hipotesis
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
MIA	- <i>Malaysian Institute of Accountants</i>
MICPA	- <i>Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i>
ACCA	- <i>Accountants Association of Chartered Certified Accountants</i>
CIMA	- <i>Chartered Institute of Management Accountants</i>
ICT	- <i>Information and Communication Technology</i>
TPACK	- <i>Technological Pedagogical Content knowledge</i>
PM	- Pembelajaran Masteri
SPSS	- <i>Statistical Package For The Social Sciences</i>

SENARAI LAMPIRAN

	Muka Surat
Lampiran A: Senarai Nama Pelajar	78
Lampiran B: Soalan Ujian Pra dan Pos	79
Lampiran C: Jawapan Pelajar	83
Lampiran D: Borang Soal Selidik	93

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab 1 ini membincangkan secara khusus lapan elemen penyelidikan yang menjadi fokus oleh pengkaji. Aspek transformasi dan inovasi pendidikan serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 akan dibincangkan pada permulaan dalam latar belakang kajian. Selain itu, penjelasan tentang pernyataan masalah serta objektif kajian turut diketengahkan, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian sekaligus definisi istilah yang digunakan. Kepentingan kajian terbahagi kepada tiga pihak iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pentadbiran sekolah dan pelajar sendiri. Kemudian, latar belakang kajian dan pernyataan masalah digunakan untuk mendorong kajian ini dilaksanakan dan objektif kajian dibentuk sebagai panduan kajian dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara yang berkembang pesat dengan teknologi terkini dan mengutamakan bidang pendidikan selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mengemukakan standard pendidikan yang berkualiti dengan memberi keutamaan khususnya penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan inovatif. Oleh itu, Kementerian Pendidikan

Malaysia (KPM) telah melakukan pembaharuan yang jelas untuk merealisasikan aspirasi rakyat dengan memberikan pendidikan modal insan berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan padat dalam bentuk rakyat Malaysia. Kurikulum pendidikan yang lebih baharu dan berkesan telah dilaksanakan oleh KPM bermula sesi persekolahan 2017. Perubahan KBSM dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dibuat pada sesi persekolahan pada tahun 2017 dan dipercayai dapat menghasilkan pelajar dinamik sekaligus mampu meningkatkan taraf pendidikan di peringkat seluruh dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Penjelasan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) melalui kenyataan daripada Mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin itu, institusi pendidikan merupakan satu penempatan di mana ianya dapat menghasilkan akademik pelajar yang cemerlang dan pembentukan sahsiah pelajar yang baik. Oleh itu, institusi pendidikan haruslah bergiat aktif dalam melahirkan generasi berilmu dan berupaya menyumbang kepada negara kelak. Oleh yang demikian, keperluan ini mendesak kepada perubahan dalam aspek pedagogi dan cara penyampaian pengajaran bagi menarik minat pelajar untuk sentiasa terus fokus untuk belajar. Menurut pendapat Mohd Faez Ilias et al. (2016), didapati konteks pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) guru melalui kaedah tradisional dan tanpa memikirkan kesesuaian tahap pelajar telah menjadi kebimbangan sekaligus tidak dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar. Pembelajaran dan pengajaran perlu mengikuti arus pemodenan dan kesesuaian semasa. Menurut Booth & Booth (1993) dalam (Aimi Hafizah Fadzilah, 2017) menyatakan bahawa pelajar yang berkualiti terhasil daripada pengolahan pembelajaran dan pengajaran yang berimpak tinggi.

Bidang pendidikan merupakan sebuah bidang yang sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan dunia sains dan teknologi di dunia ini. Perkembangan ini mendorong kepada perubahan dalam bidang pendidikan sama ada perubahan dari segi sistem atau kaedah yang digunakan dalam pendidikan bagi memastikan generasi baharu yang bakal dilahirkan tidak ketinggalan. Teknik pembelajaran dan pengajaran terdahulu seperti kaedah *chalk and talk* yang digunakan oleh guru rata ratanya perlu diubah dengan pendekatan kaedah lain yang lebih berkesan mengikut kesesuaian semasa.

Menurut Aimi Hafizah Fadzilah (2017), guru di sekolah merupakan individu yang sangat penting dan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan proses pendidikan dilaksanakan sesuai dengan kehendak abad ke-21. Oleh itu, kaedah pengajaran yang lebih berkesan perlu diperkenalkan dan digunakan oleh guru bagi memastikan generasi yang akan datang mempunyai tahap pemikiran yang kritis agar generasi baharu terus dapat bersaing secara sihat di kalangan pelajar sendiri mahupun peringkat luar negara.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menegaskan empat asas pembangunan kurikulum iaitu enam Aspirasi pelajar, Kementerian Abad ke-21, Perpaduan dan Keharmonian Kaum dan Kemahiran Komunikasi. Kurikulum berasaskan standard yang merupakan amalan antarabangsa telah dibuat dalam KSSM melalui penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran serta Standard Pentaksiran. Namun, DSKP yang terhasil mengintegrasikan enam kerangka KSSM iaitu pengetahuan, kemahiran, nilai dan secara jelas menggabungkan kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Integrasi dijalankan untuk menghasilkan modal insan yang seimbang dan harmoni dalam istilah intelektual, rohani, emosi dan fizikal sabagai tuntutan falsafah pendidikan kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Standard Prestasi (SPi) adalah skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian pelajar dalam menguasai Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Justeru itu, SPi dibuat berdasarkan rubrik yang menunjukkan tahap domain pelajar melalui proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Prestasi pelajar dalam konteks pendidikan seharusnya menjadi perkara wajib yang perlu difokuskan bagi sesebuah sekolah sama ada sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Oleh hal demikian, terdapat pelbagai kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar tanpa mengira perspektif sekolah, pengajaran guru, dan pelajar sendiri. Prestasi pelajar juga merupakan salah satu perkara penting untuk membantu pelajar terus belajar ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Institusi Pendidikan Tinggi Awan (IPTA) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Sehubungan dengan penyelidikan bagi mengkaji berkaitan dengan pelajar Perakaunan dalam Mata Pelajaran Elektif Iktisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) tingkatan empat, pelajar perlu memahami konsep atau teknik pendekatan pembelajaran yang baik sehingga membantu pelajar memahami pembelajaran Prinsip Perakaunan secara lebih efektif. Oleh itu, pemahaman yang baik dan berkesan tentang pembelajaran prinsip perakaunan tersebut dipengaruhi beberapa faktor yang akan mengubah prestasi pelajar perakaunan MPEI PP tingkatan empat. Tidak dinafikan terdapat sebilangan pelajar yang mampu mencapai pencapaian yang baik dalam subjek Perakaunan walaupun pertama kali belajar dalam subjek Perakaunan, namun kebanyakannya terdapat sesetengah pelajar yang mengalami kesukaran untuk memahami subjek perakaunan ini.

Kurikulum MPEI PP juga melibatkan elemen gabung jalin ilmu antara satu topik ke topik yang lain mengikut kitaran Perakaunan. Gabung jalin ilmu dalam pendekatan PdP yang dimulakan dengan aspek pemahaman, falsafah, konsep, dan prinsip perakaunan. Gabung jalin ilmu ini memberi nilai tambah kepada pelajar untuk memperkukuhkan kemahiran mengklasifikasi, merekod, menganalisis dan mentafsir data kewangan berdasarkan urus niaga dalam perniagaan atau situasi pengurusan perniagaan sebenar dalam amalan industri serta memenuhi keperluan sukatan pelajaran badan professional pada peringkat yang setara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar perakaunan tingkatan empat bagi MPEI PP memandangkan pencapaian pelajar dalam subjek ini masih tidak memuaskan. Menurut (Nur Syazwani & Anis Barieyah, 2019) faktor-faktor yang dikaji boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Terdapat faktor luaran seperti kaedah pengajaran guru manakala faktor dalaman pula adalah seperti sikap dan motivasi pelajar itu sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Prestasi akademik yang kurang memuaskan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat bagi Mata Pelajaran Elektif Iktisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) sangat membimbangkan bagi semua pihak yang berkenaan terutamanya pihak sekolah. Pemahaman pelajar yang tidak kukuh terhadap prinsip dan konsep perakaunan bagi MPEI PP terutamanya dalam bahagian asas menyebabkan masalah kepada pelajar dalam proses pembelajaran yang akan menggugat prestasi pelajar dalam MPEI PP Ahmad dan (Azman, 2020).

Selain itu, faktor daripada ketidakcukupan kaedah pengajaran guru dari awal juga mengakibatkan proses pembelajaran dan pengajaran bermasalah lantaran pelajar tidak didedahkan dengan teknik yang tepat untuk belajar juga memberi impak kepada prestasi pelajar kelas perakaunan bagi MPEI PP (Sogunro, 2017). Merujuk permasalahan tersebut, guru perlu memainkan peranan penting dalam pembentukan asas yang kukuh bagi membina pemahaman yang baik kepada pelajar dengan menyediakan kaedah dan pendekatan yang sesuai (Nur Syazwani & Anis Barieyah, 2019). Oleh hal sedemikian, dalam konteks pengajaran guru hendaklah lebih kreatif semasa merancang pengajarannya malah menitikberatkan teknik pembelajaran yang lebih berkesan untuk digunakan semasa sesi PdP (Berényi & Deutsch, 2018) sekaligus menyumbang peningkatan kepada prestasi pelajar yang cemerlang terhadap MPEI PP.

Justeru itu, bagi memastikan pengetahuan diserap kepada minda pelajar malah dapat merealisasikan pengajaran dengan lebih berkesan apabila guru itu memfokuskan kepada pencapaian objektif dan standard pembelajaran pelajar (Magen-Nagar & Azuly, 2016; Noor Lela et al., 2019). Dalam masa yang sama, guru perlulah mengenali keupayaan dan kebolehan pelajar terlebih dahulu, bagi memastikan kaedah penganjuran yang digunakan sesuai dengan tahap pelajar. Prinsip dan konsep dalam MPEI PP ini merupakan elemen yang sangat penting untuk pelajar kuasai bagi meneruskan pembelajaran seterusnya dengan lebih cepat dan mudah. Hal ini kerana, terdapat beberapa faktor iaitu pembelajaran yang menjurus kepada peperiksaan yang membuatkan pelajar hanya mengingati dan menghafal fakta tanpa

memahami sesuatu konsep dengan baik dan tepat, kaedah pengajaran dan pemudahcaraan yang kurang tepat dan tidak kreatif, lemah dalam menghasilkan bahan bantu mengajar, pengajaran yang tradisional, mengutamakan kurikulum tanpa sedar akan tahap penguasaan pelajar dan tingkah laku pelajar yang kurang bermotivasi terhadap pelajaran (Faridah Hanim et al., 2019).

Seterusnya, melalui kaedah tradisional, pelajar akan diberikan latih tubi secara bersendirian di dalam kelas (Abdullah & Ahmad, 2017), ini merupakan kelemahan kepada pelajar kerana tiada aktiviti perbincangan sama ada antara pelajar dan pelajar dengan guru dilakukan semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) di dalam kelas serta menurut (Hossain et al., 2018) pelajar kurang kemahiran berkomunikasi dan tidak mampu menyelesaikan masalah atau tugas secara berkumpulan kerana persekitaran pembelajaran secara aktif yang diperuntukan oleh guru agak terhad akan mengundang kemerosotan prestasi MPEI PP pelajar. Semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung, tiada komunikasi yang terjadi samada pelajar dengan pelajar ataupun guru dengan pelajar. Ini menyebabkan kesukaran untuk guru mengetahui tahap kefahaman terhadap pembelajaran pelajar tersebut semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlangsung di dalam bilik darjah.

Manakala, strategi yang diaplikasikan oleh guru MPEI PP berbentuk sehalu sahaja iaitu hanya melibatkan penyampaian pengajaran semasa di dalam kelas. Kajian (Hossain et al., 2018) menjelaskan bahawa ransangan yang diberikan dalam proses komunikasi memotivasikan pelajar untuk lebih aktif dalam pembelajaran seterusnya memberi kesan terhadap prestasi pelajar. Persekitaran pembelajaran yang aktif sangat diperlukan oleh pelajar MPEI PP supaya dapat mengenalpasti dan membantu untuk menyelesaikan masalah atau tugas yang memerlukan konteks pencarian maklumat dari pelbagai sumber, melaksanakan pembelajaran sendiri dan menggalakkan kerja dalam kumpulan (Shafii & Jaafar, 2018).

Selain itu, Azlan (2019) menjelaskan motivasi belajar adalah faktor yang menghasilkan peningkatan pembelajaran pelajar dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Dari sudut pandangan pengkaji, faktor penurunan prestasi pelajar dalam MPEI PP dapat dipengaruhi oleh motivasi belajar. Namun, sekiranya guru

mampu mendorong dan memotivasikan pelajar dengan baik, pelajar lebih memahami sesi pembelajaran di dalam bilik darjah (Rabong et al., 2020). Potensi guru dalam merancang aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang mampu memfokuskan perhatian pelajar yang dinyatakan oleh (Li, 2016) namun persekitaran bilik darjah yang berfokuskan guru menyebabkan kurangnya pemahaman pelajar dan juga mengelakkan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif semasa proses pembelajaran. Apabila pelajar didapati kurang faham, ianya akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar (Rabong et al., 2020). Terdapat banyak kajian yang melibatkan pengaruh motivasi belajar, namun kajian bagi MPEI PP adalah masih terhad.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar bagi Mata Pelajaran Elektif Iktisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) tingkatan empat. Terdapat beberapa objektif khusus kajian telah dibentuk dan ingin dicapai dalam melaksanakan kajian ini. Oleh yang demikian, objektif khusus kajian adalah:

1. Mengkaji tahap sikap, motivasi, kaedah pengajaran guru dan prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP.
2. Mengkaji hubungan antara sikap, motivasi, dan kaedah pengajaran guru dengan prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini. Antara persoalan yang timbul dalam kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap sikap pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP?

2. Apakah tahap motivasi pelajar tingkatan empat bagi kelas Perakaunan MPEI PP?
3. Apakah tahap kaedah pengajaran guru tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP?
4. Apakah tahap prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP?

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat beberapa hipotesis kajian yang ingin dikaji berdasarkan objektif khusus yang kedua dalam kajian ini bagi melihat hubungan antara pemboleh ubah prestasi pelajar dengan faktor-faktor yang mempengaruhi dalam kajian ini. Berikut merupakan hipotesis kajian yang dibentuk dalam kajian ini:

H₁: Hubungan antara faktor sikap dengan prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP.

H₂: Hubungan antara faktor motivasi dengan prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP.

H₃: Hubungan antara faktor kaedah pengajaran guru dengan prestasi pelajar tingkatan empat kelas Perakaunan bagi MPEI PP.

1.7 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini dapat memberi maklum balas mengenai pelajar Perakaunan tingkatan empat bagi MPEI PP terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam MPEI PP yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak tidak kira di dalam mahupun di luar sekolah. Hasil kajian ini, diharap dapat memberi sumbangan kepada agensi yang bertanggungjawab seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah, guru dan pelajar.



Manfaat yang diperoleh bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah ianya memberi gambaran kepada pihak KPM mengenai punca atau perkara yang mengakibatkan pencapaian yang rendah yang mempengaruhi prestasi pelajar Perakaunan dalam MPEI PP tingkatan empat. Pihak KPM juga dapat merancang strategi pengajaran bagi penambahbaikan rancangan yang terdapat di sekolah.

Bagi pihak sekolah pula, kajian ini menjadi panduan kepada pihak sekolah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar perakaunan dalam MPEI PP tingkatan empat. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas kepada pihak sekolah khususnya Panitia Vokasional dan Teknikal dalam usaha membendung masalah-masalah pelajar dan meningkatkan kualiti pelajar Perakuanan bagi MPEI PP tingkatan empat di sekolah. Seterusnya kajian ini juga memberi kesedaran guru untuk mencipta strategi pembelajaran dan pengajaran yang terbaik dalam menerapkan nilai-nilai murni bagi meningkatkan prestasi pelajar MPEI PP tingkatan empat menerusi aktiviti pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Akhir sekali, kajian ini mengharapakan peningkatan usaha dan ketekunan pelajar untuk meningkatkan prestasi yang lebih baik dalam MPEI PP tingkatan empat di mana prestasi pelajar adalah sangat penting yang perlu dicapai oleh semua pelajar.

Oleh itu jelaslah bahawa terdapat banyak manfaat yang dapat diperolehi untuk pelbagai pihak terutamanya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pentadbiran sekolah, pendidik dan pelajar sendiri. Kajian ini juga diharapkan memberikan penjelasan dan pemahaman kepada semua pihak mengenai fungsi kajian ini dijalankan.

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, batasan kajian pertama ialah sampel kajian iaitu pelajar Prinsip Perkaunan tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Lima yang terletak di daerah Sibul, Sarawak sahaja. Sampel kajian ini terbatas kepada 19 orang pelajar yang terdiri daripada 18 orang perempuan dan seorang pelajar lelaki yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perkaunan tingkatan empat. Kajian ini juga



bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini juga turut menggunakan instrumen borang soal selidik dan ujian topik Pelarasan pada tarikh imbalan dan penyediaan Penyata Kewangan milikan tunggal sebagai alat kajian untuk memperoleh data, maka hasil kajian ini adalah bergantung kepada tahap kejujuran pelajar memberi maklumat ketika instrumen kajian ini diberikan.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting dalam kajian ini yang digunakan untuk pelaksanaan kajian akan diuraikan dengan terperinci. Antara istilahnya adalah faktor-faktor yang mempengaruhi, prestasi, sikap, motivasi dan kaedah pengajaran guru.

1.9.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), faktor ialah unsur atau punca yang memberi kepada sesuatu hasil, mempengaruhi pula didefinisikan sebagai berpengaruh, menggunakan pengaruh kepada dan menguasai. Dalam kajian ini, faktor-faktor yang mempengaruhi ialah perkara yang berlaku dan menyebabkan masalah pelajar dalam kelas perakaunan bagi MPEI PP tingkatan empat terhadap prestasi. Hal ini kerana, masalah-masalah pelajar yang berlaku di sekolah mahupun luar sekolah dapat memberi kesan samada positif atau negatif kepada pelajar itu sendiri bergantung dengan cara dan situasi pelajar tersebut.

1.9.2 Prestasi

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) telah menjelaskan, prestasi didefinisikan sebagai pencapaian atau hasil yang telah diperolehi pada tahap tertentu. (Luh & Ekayani, 2021) menjelaskan bahawa hasil perniagaan adalah makna bagi prestasi di mana ianya berasal dari Bahasa Belanda, jadi prestasi belajar merupakan hasil pengukuran terhadap pelajar yang merangkumi faktor kognitif, afektif dan

psikomotor setelah mengikuti proses pembelajaran dan umumnya prestasi mengungkapkan dalam bentuk skor atau angka (Widayanti, 2019). Tahap tersebut ditetapkan berdasarkan gred pemarkahan ujian. Dalam kajian ini, prestasi pelajar dinilai melalui gred pencapaian peperiksaan pertengahan tahun MPEI PP.

1.9.3 Sikap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) sikap merupakan tingkah laku atau perbuatan yang berdasarkan sesuatu pendapat. Sikap juga boleh disinonimkan dengan tingkah laku perangai ataupun aksi seseorang individu. (Noorafini et al., 2017) mendefinisikan sikap merupakan perasaan, kecenderungan dan tindak balas suka atau tidak suka seseorang individu terhadap sesuatu perkara serta kerelaan dan kesanggupan individu dalam melakukan tindakan. Merujuk kajian ini, penyelidik mentaktifkan sikap sebagai tingkah laku seorang pelajar samada positif atau negatif yang mempengaruhi prestasi akademik dalam MPEI PP tingkatan empat.

1.9.4 Motivasi

Motivasi didefinisikan sebagai perlakuan seseorang atau arah konstruksi yang mendorong seseorang meniru tingkah laku dan sebaliknya (Cook & Artino, 2016). Menurut (Nurmaizar Siregar, 2017) pentingnya motivasi bagi pelajar kerana motivasi adalah proses awal dan akhir pelajaran yang menunjukkan hasil pembelajaran, motivasi mengarah pelajar dalam aktiviti pembelajaran, motivasi mendorong pembelajaran dengan cepat dan motivasi menyedarkan pelajar tentang kewujudan perjalanan pembelajaran berterusan sehingga alam pekerjaan. Manakala, pengkaji mentakrifkan motivasi sebagai adalah tindak balas individu iaitu pelajar yang mempengaruhi prestasi akademik.

1.9.5 Kaedah Pengajaran Guru

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan keadah ialah cara atau peraturan membuat sesuatu, pengajaran pula merupakan perihal mengajar manakala guru ialah pendidik, pengasuh atau pemimpin. Kajian (Noorafini et al.,

2017) menjelaskan pengajaran merupakan proses yang dilakukan bagi menyebarkan ilmu dan kemahiran kepada pelajar dengan lebih terperinci seperti aktiviti perancangan, penyampaian maklumat, pengelolaan, bimbingan dan penilaian pelajar bagi memastikan pelajar memahami ilmu dan kemahiran dengan teknik yang berkesan. Bagi tujuan kajian ini, kaedah pengajaran guru adalah pemboleh ubah yang ingin dikaji oleh penyelidik dalam mempengaruhi prestasi pelajar MPEI PP tingkatan empat.

1.10 Rumusan

Bab 1 ini telah menceritakan secara khusus lapan aspek utama dalam kajian ini iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Berdasarkan jurang kajian yang dikenalpasti, maka penting bagi pengkaji untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam MPEI PP tingkatan empat melalui borang soal selidik maklum balas daripada pelajar tingkatan empat.